

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (89)

9 Disember 2024  
7 Jamadilakhir 1446

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 46/2024

### PENGECUALIAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) KEPADА STAF UTM

Pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bakat Dan Pelan Pengantian bertarikh 14 November 2024 telah bersetuju meluluskan Pengecualian Program Transformasi Minda (PTM) kepada Staf UTM yang telah menghadiri kursus induksi sebelum Tahun 2012.

2. Staf UTM dibenarkan untuk mendapat pengecualian menghadiri PTM sekiranya telah menghadiri kursus induksi sebelum tahun 2012 dengan syarat perlu menghadiri **Modul Segmen 1 (Negara dan Perkhidmatan Awam)** dan **Modul Segmen 3 (Budaya Kerja Kelas Pertama)** PTM pada siri berikutnya anjuran Pusat Pembangunan Bakat dan Kepimpinan (CTLD).
3. Berikut adalah modul di dalam Segmen 1 (Negara dan Perkhidmatan Awam) iaitu Sistem Pentadbiran Negara, Menjana Negara Sejahtera & Bahagia, Hala Tuju Negara dan Overview Perkhidmatan Awam. Manakala, Modul Segmen 3 (Budaya Kerja Kelas Pertama) merangkumi modul iaitu Keterampilan Diri, Mengutamakan Masyarakat, Pengurusan Pelanggan dan Pemikiran Kritis & Inovatif.
4. Staf perlu membuat permohonan melalui Pengurusan Sumber Manusia (PSM) Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Fakulti dan menghantar dokumen tersebut kepada Pusat Pembangunan Bakat dan Kepimpinan (CTLD). Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:
  - i) Surat rasmi & ditandatangani oleh staf memohon pengecualian PTM (perlu nyatakan Nama Jawatan, Gred & Jabatan berkhidmat semasa mengikuti kursus induksi/ PTM yang telah dihadiri sebelum ini);
  - ii) Surat iringan daripada PSM PTJ (memaklumkan menyokong permohonan staf);
  - iii) Surat tawaran Kursus Induksi/PTM;
  - iv) Salinan Sijil Penyertaan Hadir Kursus Induksi/ PTM;
  - v) Salinan surat kelulusan hadir dengan jaya kursus induksi/ PTM.

5. Pelaksanaan pengecualian PTM ini berkuat kuasa mulai tahun 2025. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti berstatus tetap (lantikan baharu) yang belum disahkan dalam perkhidmatan sahaja adalah diminta mengambil maklum mengenai perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)**

Pendaftar

- |      |   |   |
|------|---|---|
| s.k. | - | Naib Canselor                                       |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)                |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)     |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)    |
|      | - | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) |
|      | - | Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)         |
|      | - | Pengarah Kampus UTM Pagoh                           |
|      | - | Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah                |